



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)

www.ijlgc.com



**PENGIDENTIFIKASIAN KAJIAN-KAJIAN BERKAITAN ISU
PENYALAHGUNAAN MEDIA SOSIAL DALAM INTERAKSI
SOSIAL BERASASKAN SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW**

*IDENTIFICATION OF STUDIES RELATED TO THE ISSUE OF SOCIAL MEDIA
ABUSE IN SOCIAL INTERACTION BASED ON SYSTEMATIC LITERATURE
REVIEW*

Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman^{1*}, Mohd Anuar Ramli², Che Zarrina Sa'ari³, Azah Anir Norman⁴, Mohd Anuar Mamat⁵, Muhammad Hazim Mohd Azhar⁶

¹ Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
Email: smhilmi@um.edu.my

² Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
Email: mohdanuar@um.edu.my

³ Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
Email: zarrina@um.edu.my

⁴ Jabatan Sistem Dan Pengurusan Maklumat, Fakulti Sains Komputer Dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya
Email: azahnorman@um.edu.my

⁵ Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
Email: anuarmamat@usim.edu.my

⁶ Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
Email: 17013390@siswa.um.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.04.2022

Revised date: 25.04.2022

Accepted date: 05.06.2022

Published date: 22.06.2022

To cite this document:

Rahman, S. M. H. S. A., Ramli, M. A.,
Sa'ari, C. Z., Norman, A. A., Mamat,
M. A., & Azhar, M. H. M. (2022).
Pengidentifikasian Kajian-Kajian
Berkaitan Isu Penyalahgunaan Media
Sosial Dalam Interaksi Sosial

Abstrak:

Kecanggihan teknologi telah menggalakkan penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat dan berpotensi menjadi medium utama penyaluran maklumat menggantikan media massa. Media sosial juga berperanan menghubungkan pengguna agar memudahkan mereka saling berinteraksi walaupun berada di kejauhan. Namun, sistem media sosial yang bebas dan luas turut membuka lembaran kefasadan penyalahgunaannya serta menyebabkan berlakunya masalah interaksi sosial di ruangan maya tersebut. Ini dibuktikan melalui penemuan banyak kajian mengenai salah laku interaksi sosial di media sosial. Makalah ini cuba mengenal pasti pola sejumlah kajian-kajian lepas mengenai salah laku interaksi sosial di media sosial dengan mengaplikasikan metode Systematic Literature Review (SLR). Metode ini digunakan untuk mengidentifikasi, mengkaji, mengevaluasi, dan menafsirkan semua kajian sedia ada dengan bidang topik fenomena salah laku interaksi sosial di media

Berasaskan Systematic Literature Review. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (28), 166-191.

DOI: 10.35631/IJLGC.728013.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



sosial. Melalui metode ini juga, dapat dilakukan proses identifikasi dan penilaian artikel secara sistematis dengan mengikuti proses yang telah ditentukan. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa isu utama masalah salah laku interaksi sosial di media sosial yang telah dijadikan topik kajian seperti buli siber, penipuan siber, penyebaran berita palsu dan pengantunan seksual. Manakala terdapat beberapa bentuk idea pencegahan masalah salah laku media sosial seperti pelaksanaan undang-undang, pendidikan serta penerapan nilai etika dan akhlak.

Kata Kunci:

Interaksi Sosial, Media Sosial, Penyalahgunaan Media Sosial, Systematic Literature Review

Abstract:

The sophistication of technology has encouraged the use of social media in society and has the potential to be the main medium of information dissemination replacing the mass media. Social media also serves to connect among of the users to make it easier for them to interact with each other even in a distance. However, the broad-ranging and extensive social media system also make way for the immoralities and causes the problem of social interaction in the virtual space. This has been proven by the findings of numerous studies on social interaction misconduct on social media. This paper attempts to identify the pattern of several previous studies on social interaction misconduct on social media by using the Systematic Literature Review (SLR) method. This method was applied to identify, review, evaluate, and interpret all existing studies within the topic areas of the phenomenon of social interaction misconduct on social media. Through this method as well, the process of identification and evaluation of articles can be done systematically by following the process that has been determined. The results of the study found that there are several major issues of social interaction misconduct on social media that have become the topic of studies, such as cyber bully, cyber fraud, spreading fake news and sexual harassment. Nevertheless, there are several forms of ideas for the prevention of social media misconduct; for instance, law enforcement, education, and the application of ethical and moral values.

Keywords:

Social Interaction, Social Media, Social Media Abuse, Systematic Literature Review

Pendahuluan

Interaksi sosial merupakan hubungan antara dua individu atau lebih. Interaksi sosial akan terus wujud selagi adanya hubungan sosial yang berasas dari diri individu-individu yang membentuk struktur asas sesuatu kelompok sosial (Elly & Usman, 2011). Interaksi sosial boleh berlaku secara langsung atau pun melalui jarak jauh. Kalau dulu, hubungan jarak jauh menggunakan surat menyurat atau pos, namun kemajuan telekomunikasi pada masa kini merancak dan memperluaskan lagi hubungan serta interaksi sosial masyarakat apabila munculnya media baharu terutamanya kelahiran media sosial (Agus Rusmana, 2015).

Pelbagai aplikasi media sosial popular pada masa kini seperti Facebook, Instagram dan banyak lagi yang berperanan sebagai sebuah medium bertujuan untuk berhubungan antara sesama individu dalam rangka mencapai sebuah kehidupan yang lebih berkualiti. Kecenderungan

penggunaan media sosial juga sebagai satu bentuk komunikasi alternatif moden daripada salah satu aspek interaksi sosial antara sesama individu secara langsung pada masa kini (Shiefti Dyah Alyusi, 2016). Walau bagaimanapun, kemudahan dan kebebasan media sosial turut menatijahkan pelbagai isu negatif yang mencemar interaksi sosial masyarakat pengguna media sosial. Buli siber, penipuan siber, penyebaran berita palsu merupakan antara isu yang tidak putus berada di persekitaran masyarakat kini. Sehubungan itu, didapati banyak kajian yang meneliti berkenaan masalah dan isu berkaitan interaksi dan komunikasi di media sosial.

Tujuan penelitian ini adalah untuk meneliti kajian-kajian yang melibatkan penyalahgunaan media sosial serta isu-isu interaksi dan komunikasi di media sosial. Data-data yang dikumpul senaraikan adalah daripada artikel jurnal dan kertas kerja persidangan yang membahas mengenai penyalahgunaan media sosial serta isu-isu interaksi dan komunikasi di media sosial dari tahun 2016 hingga 2021. Data-data tersebut diidentifikasi menggunakan metode Systematic Literature Review (SLR) melalui proses penilaian dan identifikasi jurnal secara sistematik. Metode ini dapat mengenal pasti pola perbincangan kajian-kajian lepas berdasarkan objektif kajian serta menghindarkan dari identifikasi yang bersifat subjektif.

Isu Penyalahgunaan Media Sosial Dalam Interaksi Sosial

Media sosial merupakan sekumpulan aplikasi bersandarkan pada internet, ideologi dan teknologi Web 2.0 yang berpotensi melakukan penciptaan dan pertukaran konten oleh penggunaanya (Kaplan & Haenlein, 2010). Media sosial juga difahami sebagai sebuah medium internet yang membolehkan para penggunaanya untuk menggambarkan diri serta melakukan proses berinteraksi, bekerjasama, berkomunikasi dan berkongsi dengan pengguna lain seterusnya membentuk ikatan sosial secara digital (Nasrullah, 2015). Secara ringkas, media sosial kini mempunyai peranan membolehkan semua orang boleh bertindak sebagai penerbit atau pengkritik (Georgetown University, 2010).

Dengan media sosial, seseorang boleh bersosial dengan individu lain walau di manapun mereka berada sama ada jauh atau dekat dan tanpa mengira waktu siang atau malam (Tasnim, Yogenathan & Kamarul Azmi, 2019). Malah pandemik Covid-19 telah menjadikan media sosial sebagai satu keperluan kepada seluruh lapisan masyarakat untuk berhubung antara satu sama lain disebabkan pelaksanaan Movement Control Order dan terpaksa berada di rumah (Kaur & Sahdef, 2020).

Daripada definisi media sosial di atas, sebenarnya media sosial mempunyai makna yang lebih luas. Ia merangkumi pelbagai teknologi dan aplikasi yang antaranya berbentuk jejaring sosial seperti Facebook dan Instagram, komuniti content seperti Youtube, projek gabungan seperti Wikipedia dan Wikispaces, blogs seperti Wordpress, mikroblogs seperti Twitter, virtual game worlds seperti World of Warcraft, dan semua akses berasaskan internet lainnya (Khan, 2013). Namun boleh dikatakan umumnya memahami media sosial sebagai aplikasi yang saling menghubungkan antara penggunaanya.

Berdasarkan rekod sehingga Januari 2021, terdapat 4.20 bilion pengguna aktif media sosial bersamaan 53.6% daripada keseluruhan populasi manusia dunia dengan kenaikan 13.2% berbanding tahun 2020. Hanya di Malaysia sahaja terdapat sekitar 28 juta pengguna aktif media sosial bersamaan 86% daripada keseluruhan populasi keseluruhan penduduk Malaysia dengan kenaikan 7.7% berbanding tahun 2020. Purata peruntukan masa harian bagi setiap pengguna media sosial aktif di Malaysia adalah sekitar 3 jam 1 minit. (We are Social & Hootsuite, 2021).

Sehingga kini, aplikasi paling popular digunakan adalah Facebook yang turut digelar sebagai raja media sosial dengan pengguna yang sangat ramai iaitu melebihi 1.9 bilion pengguna aktif sekitar tahun 2021. Untuk rekod, purata masa yang diperuntukkan untuk setiap pengguna di Amerika adalah sekitar 33 minit sehari. (Matt Ahlgren, 2022). Di Malaysia saja sehingga Mac 2021, terdapat sekitar 27 200 000 pengguna aplikasi Facebook bersamaan 80.5% daripada keseluruhan penduduk Malaysia (NapoleonCat, 2021).

Apa yang penting, media sosial menjadi satu medan penting masa kini bagi masyarakat menjalani kehidupan sosial dan saling berinteraksi di samping berlakunya proses globalisasi secara meluas. Memang sukar dipertikai lagi manfaat yang diperoleh dari media sosial dalam pelbagai lapangan kehidupan manusia melalui peranannya memperluas jaringan perkenalan dan persahabatan, perkembangan maklumat dan isu semasa, pendidikan dan pembelajaran, pembinaan dan perkembangan kerjaya, medan penonjolan kreativiti dan serta medium penyampaian dakwah (Mohamad Rafiuddin, Sasikumar & Ajmain, 2019).

Namun, kemudahan ini sebahagiannya turut memberi kesan negatif terutamanya pada tingkah laku manusia. Boleh jadi saja media sosial menjadi medan penyebaran keganasan dan pornografik, penyebaran perkataan dan perbuatan yang negatif sehingga gangguan kesihatan, ketagihan serta gangguan hubungan fizikal terdekat (Tasnim, Yogenathan & Kamarul Azmi, 2019).

Malah media sosial juga boleh membuka ruang kefasadan melalui penyalahgunaannya. Antara bentuk salah laku media sosial adalah seperti melayari di waktu yang tidak sewajarnya termasuklah semasa waktu kuliah, kerja, mesyuarat atau lebih parah ketika memandu. Situasi ini secara tidak langsung menjadikan rakyat Malaysia merupakan antara pengguna media sosial yang ketagih dan ekstrem (Nor Shela & Mohd Shafie, 2020). Ketagihan di sini dengan maksud penglibatan secara kerap pada alat pengantaraan sama ada dalam komunikasi atau perhubungan (Muhammad Syazwan, Amirul Azha & Nurazmallail, 2019).

Pada aspek interaksi sosial di media sosial pula dapat dilihat beberapa masalah seperti buli siber sehingga memberi kesan pada emosi (Suriana & Khadijah, 2020), penyebaran berita atau maklumat palsu (Shahid, 2016), kebebasan bersuara sehingga melanggar batas-batas agama dan negara (Syahira & Amizah, 2017), dan pengantunan seksual (Asmi Asmidar et. al., 2018).

Atas kesedaran ini, banyak kajian yang telah dilaksanakan sama ada mengenal pasti masalah, faktor-faktornya serta memberikan cadangan solusi menangani masalah-masalah tersebut. Kajian-kajian tersebut tidak seharusnya diabaikan sahaja, bahkan harus diteliti dan dimanfaatkan untuk kegunaan semasa dan akan datang dalam usaha mendepani cabaran salah laku interaksi sosial di media sosial. Sehubungan itu, adalah penting untuk mengenal pasti trend dan bentuk kajian-kajian yang berorientasikan permasalahan di media sosial. Maka, dapat diperjelas dan dirumuskan juga pemilihan topik salah laku interaksi media sosial adalah kerana beberapa aspek iaitu;

- Wujudnya perkembangan bentuk jenayah siber dan salah laku sosial di media sosial yang sebelumnya bersifat konvensional atau fizikal.
- Kesedaran oleh para penyelidik dan intelektual untuk melakukan kajian berkenaan jenayah siber dan salah laku sosial di media sosial.
- Mengenal pasti dan menyusun atur solusi-solusi yang pernah dicadangkan dari pelbagai kajian lepas.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan Systematic Literature Review (SLR) yang merujuk kepada metodologi kajian dan pengembangan yang dilakukan dengan tujuan mengumpul kajian-kajian serta melalui proses penilaian yang berkaitan dengan topik tertentu. Kajian yang menggunakan metode SLR dijalankan bagi pelbagai tujuan seperti untuk mengkaji, mengidentifikasi, menilai dan menafsirkan semua kajian yang sedia ada dengan topik fenomena yang terfokus, dengan persoalan kajian tertentu yang bersesuaian (Triandini et. al., 2019). Metode ini mengaplikasikan carian yang tersusun dan sistematik bagi mengenal pasti isu-isu salah laku media sosial dan solusi pencegahan yang mampan. Dalam proses ini harus diperjelaskan beberapa maklumat penting merangkumi persoalan kajian, proses pencarian, proses penilaian dan proses analisis.

Persoalan Kajian

Persoalan kajian dirangka berdasarkan kepada keperluan dari topik yang disentuh. Berikut merupakan persoalan kajian ini yang telah diringkaskan dalam **Jadual 1** di bawah:

Jadual 1: Pembinaan Persoalan Kajian Berdasarkan Kluster

Kluster	Persoalan Kajian
Kekinihan	Apakah kajian penyalahgunaan media sosial serta isu interaksi dan komunikasi di media sosial dari tahun 2016-2021?
Isu-isu salah laku interaksi media sosial	Apakah penyalahgunaan media sosial serta isu interaksi dan komunikasi di media sosial?
Faktor salah laku interaksi media sosial	Apakah faktor penyalahgunaan media sosial serta isu interaksi dan komunikasi di media sosial?
Solusi salah laku interaksi media sosial	Apakah solusi penyalahgunaan media sosial serta isu interaksi dan komunikasi di media sosial?

Proses Pencarian

Proses pencarian kajian-kajian lepas digunakan untuk memperoleh data-data yang bersesuaian bagi menjawab persoalan kajian dan sumber berkaitan dengannya. Proses pencarian dilaksanakan dengan menggunakan enjin carian “Google Scholar” dengan alamat <https://scholar.google.com/> .

Dapatan dari carian tersebut diletakkan beberapa spesifikasi perincian bagi memastikan data yang ditemui sesuai digunakan dalam penelitian SLR ataupun tidak. Skop carian adalah kajian dalam tempoh 2016 sehingga 2021. Garisan tahun 2016 dipilih kerana mengambil kira faktor kekinian iaitu tempoh masa enam tahun terkebelakang sahaja. Secara ringkasnya, kajian-kajian yang ditemui sesuai dipilih jika melepasi kriteria berikut:

- Kajian yang diterbitkan dalam tempoh tahun 2016-2021.
- Kajian yang diperoleh melalui enjin carian “Google Scholar” dengan alamat <https://scholar.google.com/> .
- Kajian yang berkaitan dengan penyalahgunaan media sosial serta isu interaksi dan komunikasi di media sosial.

Berikut merupakan langkah-langkah pencarian dan pengumpulan data bermula dari proses observasi hingga dokumentasi yang diperoleh.

- Menetapkan skop kajian iaitu penyalahgunaan media sosial serta isu interaksi dan komunikasi di media sosial.
- Mencari kajian-kajian lepas berkaitan dengan skop kajian melalui enjin carian “Google Scholar” dengan alamat <https://scholar.google.com/> .
- Memasukkan beberapa kata kunci pada ruangan pencarian seperti “isu media sosial,” “interaksi media sosial,” “buli siber,” dan lain-lain kata kunci yang dianggap penting oleh pengkaji.
- Memilih tahun 2016-2021 sebagai tapisan untuk menentukan sumber tahun dalam menemukan kajian-kajian lepas.

Proses Penilaian

Dalam penelitian SLR, kajian-kajian yang ditemui akan dinilai berdasarkan kriteria penilaian kualiti seperti berikut:

- Adakah artikel jurnal atau kertas kerja penyelidikan diterbitkan dalam tempoh masa tahun 2016 sehingga 2021?
- Adakah wujud isu berkaitan penyalahgunaan media sosial serta isu interaksi dan komunikasi di media sosial dalam artikel jurnal atau kertas kerja penyelidikan yang ditemui?
- Adakah artikel jurnal atau kertas kerja penyelidikan menyebut mengenai faktor penyalahgunaan serta isu interaksi dan komunikasi di media sosial dalam interaksi sosial?
- Adakah artikel jurnal atau kertas kerja penyelidikan menyebut mengenai solusi penyalahgunaan serta isu interaksi dan komunikasi di media sosial dalam interaksi sosial?

Pada setiap artikel jurnal atau kertas kerja penyelidikan akan diberikan nilai jawapan berikut untuk setiap pertanyaan di atas.

- Y mewakili (Ya)
- T mewakili (Tidak)

Proses Analisis

Artikel jurnal dan kertas kerja penyelidikan yang ditemui akan dikumpulkan dalam bentuk jadual dan kemudiannya akan dianalisis bagi mendapatkan data-data berikut:

- Penentuan tahun kajian-kajian mengenai penyalahgunaan media sosial serta isu interaksi dan komunikasi di media sosial dari tahun 2016-2021.
- Isu penyalahgunaan media sosial serta isu interaksi dan komunikasi di media sosial.
- Faktor penyalahgunaan media sosial serta isu interaksi dan komunikasi di media sosial.
- Solusi penyalahgunaan media sosial serta isu interaksi dan komunikasi di media sosial.

Dapatan dan perbincangan

Terdapat 80 buah artikel jurnal dan kertas kerja penyelidikan yang telah disenarai pendekkan. Sejumlah 64 daripadanya dapat diterima statusnya kerana menepati kriteria penilaian kualiti manakala 16 daripadanya berstatus tidak diterima kerana tidak menjawab persoalan-persoalan yang ditetapkan. Berikut dilampirkan keseluruhan dapatan yang dimuatkan dalam **Jadual 2**.

Jadual 2: Hasil Dapatan Kajian

No.	Penulis	Tajuk	Tahun	QA1	QA2	QA3	Hasil
1	Althaf Husein Muzakky & Fahrudin	Kontekstualisasi Hadis dalam Interaksi Media Sosial di Era Millenial dalam Kitab Fath al-Bārī Syarah Ḥadīs al-Bukhārī <i>-Jurnal Diroyah: Jurnal Studi Ilmu Hadis 5 (1), 12-20</i>	2020	X	X	Y	Diterima
2	Mohd Anuar Ramli, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Mohammad Naqib Hamdan & Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar	Aplikasi al-Tabayyun dalam Menangani Penularan Maklumat Palsu Berkaitan Produk Halal <i>-Jurnal al-Basirah 8 (1), 23-36.</i>	2018	Y	X	Y	Diterima
3	Suriana Che Awang & Khadijah Alavi	Buli Siber: Impak Emosi Dalam Kalangan Pelajar UKM <i>-Jurnal Wacana Sarjana, 4(5),1-9.</i>	2020	Y	X	X	Diterima
4	Che Hasniza Che Noh, Mohd Yusri Ibrahim & Fatimah Yusoooff	Meneroka Ciri dan Faktor Buli Siber Dalam Kalangan Remaja di Malaysia, Universiti Malaysia Terengganu	2018	Y	Y	Y	Diterima
5	Suhaniya Kalaisilven & Mohamad Fauzi Sukimi	Kawalan Ibu Bapa terhadap Anak-Anak dalam Penggunaan Media Sosial <i>-AKADEMIKA, 89 (1), 111-124.</i>	2019	Y	X	Y	Diterima
6	Fahmi Anwar	Perubahan dan Permasalahan Media Sosial <i>-Jurnal Muara Ilmu Sosial, Humaniora dan Seni 1 (1), 137-144.</i>	2017	Y	X	Y	Diterima
7	Syahira Omar & Wan Amizah Wan Mahmud	Isu Penghinaan Terhadap Institusi Diraja Malaysia: Analisis Kandungan Akhbar Dalam Talian <i>-Jurnal Wacana Sarjana 1 (1), 1-18.</i>	2017	Y	Y	Y	Diterima
8	Poovaneaswary Manoharan & Muhammad Adnan Pitchan	Kebebasan Bersuara dan Komentar Netizen Terhadap Isu Muhammad Adib di Berita Harian Online <i>-Jurnal Wacana Sarjana 4 (3), 1-9.</i>	2020	Y	X	Y	Diterima

9	Fabli Yusof & Mohd Sufiean Hassan	Kes Penghinaan Raja-Raja/Yang Di-Pertuan Agong di Media Sosial: Tindakan dan Penguatkuasaan Undang-Undang Dalam Kebebasan Bersuara <i>-Journal of Law & Governance 3 (1), 127-142.</i>	2020	Y	X	Y	Diterima
10	Wan Amizah Wan Mahmud & Muhammad Adnan Pitchan	Media Baharu dan Institusi Raja di Malaysia: Kes Penghinaan Raja-raja di Media Sosial <i>-Jurnal Komunikasi 33(1), 406-422.</i>	2017	Y	X	Y	Diterima
11	Muhd Imran Abd Razak, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli, Siti Maimunah Hj. Kahal & Rabiatal Adawiyyah Mohamed Ratha	Analisis Fahaman Ekstremis Agama dan Media Sosial di Malaysia <i>-Asian Journal of Environment, History and Heritage 2(1), 91-103.</i>	2018	Y	X	X	Diterima
12	Ahmad Sauffiyan Abu Hassan	Daesh: Kebangkitan dan Pengaruh Media Sosial <i>-Jurnal Komunikasi 32(2), 381-404.</i>	2016	Y	X	X	Diterima
13	Fauziah Ahmad & Dafrizal Samsudin	Kebergantungan Media Sosial Terhadap Isu Arab Spring Dalam Kalangan Khalayak di Malaysia <i>-Jurnal Komunikasi 33(1), 423-437.</i>	2017	X	X	X	Tidak diterima
14	Puji Rianto	Literasi Digital dan Etika Media Sosial di Era Post-Truth <i>-Interaksi: Jurnal Ilmu Komunikasi 8(2), 24-35.</i>	2019	Y	Y	Y	Diterima
15	Chairuni Nasution	Kajian Hukum Model Literasi Media Dalam Menganalisa Informasi Berita Palsu (Hoax) Pada Media Sosial <i>-Jurnal Hukum Responsif, 7(2), 157-170.</i>	2019	Y	X	Y	Diterima
16	Fazlinda Ab Halim & Mohammad Siraj Munir Muslaini	Impak Media Sosial Terhadap Tingkah Laku Sosial Pelajar Di Kolej Vokasional <i>-Online Journal for TVET Practitioners, 3(1).</i>	2018	Y	Y	X	Diterima
17	Endah Triastuti, Dimas Adrianto & Akmal Nurul	Kajian Dampak Penggunaan Media Sosial Bagi Anak dan Remaja <i>-Pusat Kajian Komunikasi, FISIP Universitas Indonesia</i>	2017	Y	Y	Y	Diterima

18	Mohd Azul Mohamad Salleh & Nurul Madiha Mohd Ilham	Pengalaman dan Kesedaran Pengguna Dewasa Terhadap Isu Pengawasan di Media Sosial <i>-Jurnal Komunikasi 33(1), 502-514.</i>	2017	Y	Y	Y	Diterima
19	Hidayah Shafiee, Ahmad Fahmi Mahamood, Abdul Rahman Abdul Manaf, Tengku Kastiafuddin Shah Tengku Yaakob, Abdul Jalil Ramli, Zuraiddi Ahmad Mokhdzar, Jamsari Jamaluddin, Maskor Bajuri & Mohd Erpi Mohd Ali	Pengaruh Bahasa Rojak di Media Baharu Terhadap Bahasa Kebangsaan <i>-International Journal of Law, Government and Communication 4 (15), 141-153.</i>	2019	Y	Y	Y	Diterima
20	Jamiah Manap, Mohd Rezal Hamzah, Aizan Sofia Amin, Nurul Nabila Mohd Izani, Fazilah Idris, Salasiah Hanin Hamjah, Noordeyana Tambi, Arena Che Kasim, Norul Huda Sarnon, Salina Nen & Nor Jana Saim	Penggunaan dan Implikasi Media Sosial Terhadap Remaja Generasi Z <i>-International Conference On Social and Economic Development (ICSED) di Universiti Malaysia Terengganu</i>	2016	Y	X	Y	Diterima
21	Mulawarman & Aldila Dyas Nurfitri	Perilaku Pengguna Media Sosial beserta Implikasinya Ditinjau dari Perspektif Psikologi Sosial Terapan <i>-Buletin Psikologi 25 (1), 36-44.</i>	2017	Y	X	X	Diterima
22	Eko Sumadi	Dakwah dan Media Sosial: Menebar Kebaikan Tanpa Diskriminasi <i>AT-TABSYIR: Jurnal Komunikasi Penyiaran Islam 4 (1), 173-190.</i>	2016	X	X	X	Tidak diterima
23	Rosni Wazir & Amani Zubir	Dakwah Media Sosial Berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah	2020	X	X	Y	Tidak diterima
24	Nuning Kurniasih	Optimalisasi Penggunaan Media Sosial untuk Perpustakaan <i>-Prosiding Makalah Seminar Nasional "Komunikasi, Informasi dan Perpustakaan di Era Global, 1-9 bertempat di Jatinangor pada 15 Jun 2016.</i>	2016	X	X	X	Tidak diterima

25	Muhammad Yusi Kamhar & Erma Lestari	Pemanfaat Sosial Media Youtube Sebagai Media Pembelajaran Bahasa Indonesia di Perguruan Tinggi - <i>Inteligensi: Jurnal Ilmu Pendidikan</i> 1(2), 1-7.	2019	X	X	X	Tidak diterima
26	Ahmad Setiadi	Pemanfaatan Media Sosial Untuk Efektifitas Komunikasi - <i>Cakrawala: Jurnal Humaniora</i> 16, (2).	2016	X	X	X	Tidak diterima
27	Hazlin Falina Rosli, Wan Amizah Wan Mahmud & Maizatul Haizan Mahbob	Peranan Media Sebagai Alat Kesedaran Sosial Dalam Kalangan Orang Kurang Upaya di Malaysia - <i>Jurnal Komunikasi</i> 32(2), 471-488.	2016	X	X	X	Tidak diterima
28	Mohd Shahremy Ikmal Shahbudin	Kepanikan Pengguna Media Sosial Terhadap Virus COVID-19 - <i>PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature</i> 11 (Edisi Khas), 1-10.	2020	Y	Y	X	Diterima
29	Bulan Cahya Sakti & Much Yulianto	Penggunaan Media Sosial Instagram Dalam Pembentukan Identitas Diri Remaja - <i>Jurnal Interaksi Online</i> 6(4), 1-12.	2018	X	Y	Y	Diterima
30	Roshayati Abdul Hamid, Zaleha Yazid, Noor Hasni Juhdi & Laila Adrena Mat Kana	Penyalahgunaan Internet Sewaktu Kuliah: Kesan daripada Penyerapan Kognitif dan Tabiat Berinternet - <i>Jurnal Pengurusan</i> 56, 1-15.	2019	Y	Y	Y	Diterima
31	Fatin Adha Murad, Mohammad Rahim Kamaluddin, Wan Shahrazad Wan Sulaiman & Rozainee Khairudin	Psikologi Kemangsaan Jenayah Penipuan Komersil: Tinjauan Literatur - <i>Jurnal Psikologi Keselamatan</i> 1, 60-86.	2019	Y	Y	Y	Diterima
32	Zakiah Saizan & Dalbir Singh	Cyber Security Awareness Among Social Media Users: Case Study in German-Malaysian Institute (GMI) - <i>Jurnal Teknologi Maklumat dan Multimedia Asia-Pasifik</i> 7(2), 111-127.	2018	Y	Y	Y	Diterima
33	Fatin Liayana Nordin & Mohd Zainudin Othman	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penyalahgunaan ICT di Kalangan Pelajar di UUM Sintok Kedah Darul Aman Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia	2016	Y	Y	X	Diterima

34	Zikri Fachrul Nurhadi	Model Komunikasi Sosial Remaja Melalui Media Twitter <i>-Jurnal ASPIKOM 3(3), 539-549.</i>	2017	X	X	Y	Diterima
35	Zawiyah M. Yusof, Siti Norul Huda, Umi A. Mokhtar & Nazura Abd Manap	Adab Mengguna Media Sosial <i>-Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah Ke-3, 68-78.</i>	2017	X	X	Y	Diterima
36	Nur Hafeeza Ahmad Pazil	Keakraban dalam Persahabatan dan Corak Interaksi di Media Sosial <i>-Jurnal Komunikasi 36(4), 428-441.</i>	2020	X	X	X	Tidak diterima
37	Nadia Fauzi	Penggunaan Media Sosial Dalam Dunia Tanpa Sempadan: Suatu Kebaikan Atau Keburukan? <i>-Ketua Penolong Pengarah, Program Litigasi, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)</i>	2017	Y	Y	Y	Diterima
38	Nor Aslamiah Ali	Hubungan Penggunaan Media Sosial Dengan Tingkat Kepekaan Sosial di Usia Remaja <i>-Jurnal The Messenger 9(1), 65-69.</i>	2017	X	X	X	Tidak diterima
39	Adi Wibowo	Penggunaan Media Sosial Sebagai Trend Media Dakwah Pendidikan Islam di Era Digital <i>-Jurnal Nusantara 3(2), 339-356.</i>	2019	X	X	X	Tidak diterima
40	Muhamad Zaki Mustafa, Mohd Faizal Kasmani, Mohd Yahya Mohamed Ariffin & Khairunneezam Mohd Noor	Perhubungan Awam, Media Sosial, Etika Kerja Islam Serta Trend Penggunaan Media Sosial di Sektor Awam Kementerian di Malaysia <i>-Al-Abqari 22(2), 47-66.</i>	2020	X	X	Y	Diterima
41	Shaharudin Ismail, Halimaton Sa'adiah Ariffin & Zul Hilmi Abdullah	Media Sosial Semasa Pandemik <i>-E-Proceeding: Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS 2020), 156-165.</i>	2020	Y	X	Y	Diterima
42	Khadijah Muda, Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Latifah Ab. Latiff	Pengetahuan Berkenaan Kontrak Sosial di Malaysia: Satu Kajian Kes Terhadap Masyarakat di Media Sosial <i>-Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN 2020), 621-628.</i>	2020	Y	Y	Y	Diterima

43	Shahrul Nazmi Sannusi, Fauziah Ibrahim, Azianura Hani Shaari & Nasrudin Subhi	Penggunaan Media Sosial dalam Kalangan Remaja B40 di sekitar Lembah Klang - <i>Jurnal Komunikasi</i> 35(4):101-118.	2019	Y	Y	X	Diterima
44	Ali Salman, Mohammad Agus Yusoff, Mohd Azul Mohamad Salleh & Mohd Yusof Hj Abdullah	Penggunaan Media Sosial Untuk Sokongan Politik di Malaysia - <i>Journal of Nusantara Studies (JONUS)</i> 3(1), 51-63.	2018	X	X	X	Tidak diterima
45	Noor Athirah Moktar, Areen Sherryana Abdul Halim & Kamarul Azmi Jasmi	Media Sosial dan Kaedah Pengajaran Menurut Islam - <i>Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia</i> 2019, 211-226.	2019	X	X	Y	Diterima
46	Asmi Asmidar Zainal Rashid, Mohammad Rahim Kamaluddin, Suzaily Wahab, Dayang Anita Abdul Aziz, Zarina Abdul Latiff & Balan Rathakrishnan	Kerentanan Kanak-kanak Malaysia terhadap Pengantunan Seksual Dalam Talian, - <i>Jurnal Psikologi Malaysia</i> 32(3), 91-108.	2018	Y	Y	X	Diterima
47	Jaenal Abidin & Ilham Fahmi	Media Sosial Dalam Mempengaruhi Perilaku Keberagamaan Siswa Dan Solusinya Melalui Pendidikan Agama Islam - <i>Jurnal Wahana Karya Ilmiah</i> 3(1), 305-312.	2019	Y	X	Y	Diterima
48	Hanif Akhtar	Perilaku Oversharing di Media Sosial: Ancaman atau Peluang? - <i>PSIKOLOGIKA: Jurnal Pemikiran dan Penelitian Psikologi</i> 25 (2), 257-270.	2020	Y	Y	X	Diterima
49	Khadijah Alavi, Maizatul Haizan Mahbob & Mohammad Syahrul Azha Soeed.	Strategi Komunikasi Penjenayah Cinta Siber Terhadap Wanita Profesional - <i>Jurnal Komunikasi</i> 36(3) 2020: 296-311	2020	Y	Y	Y	Diterima
50	Romlah Ramli	Sejauhmana Kebebasan Dalam Media Sosial: Peradaban Sosial dan Privasi Dalam Sempadan Keagamaan - <i>Journal of Techno-Social</i> 8(1), 102-111.	2016	Y	X	Y	Diterima

51	Shahidah Hamzah, Fauziah Ani, Norizan Rameli, Noranifitri Md Nor, Harliana Halim, Riki Rahman, Adi Syahid Mohd Ali, Nizam Attan & Khairul Anuar Kamri	Impak Penyebaran Berita Palsu Melalui Media Sosial Terhadap Masyarakat: Kajian Kes Mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia - <i>Advances in Humanities and Contemporary Studies</i> 1(1), 55-63.	2020	Y	X	Y	Diterima
52	Zulkufli Ismail & Azmi Aziz	Jenayah Cinta Siber di Malaysia: Suatu Penelitian Terhadap Pengalaman Mangsa - <i>Journal of Social Sciences and Humanities</i> 16 (4), 1-10.	2019	Y	Y	Y	Diterima
53	Azianura Hani Shaari & Mohammad Rahim Kamaluddin	Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa dan Etika Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Malaysia - <i>Journal of Social Sciences and Humanities</i> 16 (6), 1-16.	2019	Y	X	Y	Diterima
54	A. Fikri Amiruddin Ihsani & Novi Febriyanti	Etika Komunikasi Sebagai Kontrol Kesalehan Virtual dalam Perilaku Bermedia Masyarakat di Era Digital - <i>Jurnal Al Azhar Indonesia Seri Ilmu Sosial</i> 2 (1), 24-35.	2021	X	X	Y	Diterima
55	Maya Sandra Rosita Dewi	Islam Dan Etika Bermedia (Kajian Etika Komunikasi Netizen Di Media Sosial Instagram Dalam Perspektif Islam) Research Fair Unisri 3(1), 139-149.	2019	X	X	Y	Diterima
56	Muhammad Hazwan Johari, Amirul Syafiq Baharuddin & Siti Suhaila Ihwani	Media Sosial dan Kelestarian Penggunaan Menurut Islam - <i>Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia</i> 2019, 61-86.	2019	Y	X	Y	Diterima
57	Amin Haris	Prinsip Pentingnya Mendidik Akhlak Anak dari Pengaruh Media Sosial - <i>Al-Fathanah: Jurnal Studi Islam dan Pendidikan Agama Islam</i> 1(1), 35-45.	2021	X	X	Y	Diterima
58	Intan Syahriza Azizan, Shahriza Ilyana Ramli & Junaida Ismail	Integriti Pengguna Media Sosial - <i>Voice of Academia</i> 15 (3), 32-44.	2019	Y	Y	Y	Diterima

59	Muhammad Sulthan & S. Bekti Istiyanto	Model Literasi Media Sosial Bagi Mahasiswa - <i>Jurnal ASPIKOM</i> 3(6), 1076-1092.	2019	Y	X	Y	Diterima
60	Mohamad Faisal Ahmad, Hashim Mat Zin & Hajaratul Adhwa' Ahmad Kuthi	Model Pembangunan Insan Soleh Kamil AD-DIN (PISKA) Berdasarkan Teori Perubahan Akhlak al-Ghazali dalam Pengajian Tamadun Islam Tamadun Asia (TITAS) di Politeknik - <i>Bitara</i> 3 (4), 163-176.	2020	X	X	Y	Diterima
61	Mujahiddin & M. Said Harahap	Model Penggunaan Media Sosial di Kalangan Pemuda - <i>Jurnal Interaksi</i> 1(2), 142-155.	2017	Y	X	Y	Diterima
62	Juminem	Adab Bermedia Sosial dalam Pandangan Islam - <i>GeneologiPAI: Jurnal Pendidikan Agama Islam</i> 6(1), 23-34.	2019	X	X	Y	Diterima
63	Luqman Hakeem Frank Wilkins, Pragathesh Batumalai & Kamarul Azmi Jasmi	Media Sosial dan Dampak Positif Menurut Islam, - <i>Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia</i> 2019, 17-32.	2019	X	X	X	Tidak diterima
64	Nazaruddin & Muhammad Alfiansyah	Etika Komunikasi Islami di Media Sosial dalam Perspektif Alquran dan Pengaruhnya Terhadap Keutuhan Negara - <i>Jurnal Peurawi: Media Kajian Komunikasi Islam</i> 4(1), 77-91.	2021	Y	X	Y	Diterima
65	Mohamad Rafiuddin Mohd Azmi, Sasikumar Kamalanathan & Ajmain @ Jimaain Safar	Media Sosial dan Generasi Muda Menurut Islam - <i>Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia</i> 2019, 87-100.	2019	Y	X	Y	Diterima
66	Nurul Afiza Razali, Noor Hera & Kamarul Azmi Jasmi	Media Sosial dan Impak Negatif Menurut Islam - <i>Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia</i> 2019, 33-48.	2019	X	X	Y	Diterima
67	Tasnim Rosli, Yogenathan Muniandy & Kamarul Azmi Jasmi	Media Sosial dan Impak Tingkah Laku Menurut Islam - <i>Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia</i> 2019, 115-130.	2019	X	X	Y	Diterima

68	Nur Hidayu Nordin, Nur Syuhada Mohammad & Ahmad Marzuki Mohamad	Media Sosial dan Instagram Menurut Islam <i>-Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019, 277-296.</i>	2019	Y	X	Y	Diterima
69	Muhammad Syazwan Ayub, Amirul Azha Rozali & Nurazmallail Marni	Media Sosial dan Kecanduan Penggunaan Menurut Islam <i>-Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019, 313-330.</i>	2019	Y	X	Y	Diterima
70	Muhamad Ariffudin Azizan, Muhammad Azizi Kariya & Kamarul Azmi Jasmi	Media Sosial dan Penyebaran Budaya Transeksual Menurut Islam <i>-Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019, 297-312.</i>	2019	Y	X	Y	Diterima
71	Muhammad Izzuddin Nazir, Muhammad Irfan Zikri Che Noh & Bushrah Basiron	Media Sosial dan Wanita Menurut Islam <i>-Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019, 143-156.</i>	2019	X	X	X	Tidak diterima
72	Amran Abdul Halim, Abdulloh Salaeh, Walid Mohd Said, Syed Najihuddin Syed Hassan, Nidzamuddin Zakaria, Mohd Fauzi Mohd Amin & Amiruddin Mohd Sobali	Pemahaman Hadith Dalam Kalangan Masyarakat di Malaysia: Kajian Dalam Media Sosial di Malaysia <i>-Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN) 2020, 358-368.</i>	2020	X	X	X	Tidak diterima
73	Nor Shela Saleha & Mohd Shafie Rosli	Tinjauan Literatur Sistematis: Interaksi Media Sosial Atas Talian dalam Kluster Pendidikan dan Pekerjaan <i>-Sains Humanika 12(3), 53-65.</i>	2020	X	X	X	Tidak diterima
74	Nurul Atira Musa & Hendun Abd Rahman Shah	Penyebaran Fahaman Bertentangan Akidah Islam di Media Sosial Dari Perspektif Undang-Undang dan Syariah di Malaysia <i>-Jurnal Perdana 9(1), 24-35.</i>	2020	Y	X	Y	Diterima
75	Muhamad Faisal Ashaari, Nurul Aini Syazwani Norhisham & Rosmawati Mohamad Rasit	Sorotan Kajian Penggunaan Media Sosial dalam Kalangan Warga Emas di Malaysia <i>-Bitara 4 (2), 1-12.</i>	2021	X	X	X	Tidak diterima

76	Tuty Mutiah, Ilham Albar, Fitriyanto & A.Rafiq	Etika Komunikasi Dalam Menggunakan Media Sosial -Global Komunka 9(1), 14-24.	2019	X	X	Y	Diterima
77	Ketut Manik Astajaya	Etika Komunikasi Di Media Sosial -Widya Duta: Jurnal Ilmiah Ilmu Agama dan Ilmu Sosial Budaya 15(1), 81-95.	2020	X	X	Y	Diterima
78	Febi Afriani & Alia Azm	Penerapan Etika Komunikasi di Media Sosial: Analisis Pada Grup WhatsApps Mahasiswa PPKn Tahun Masuk 2016 Fakultas Ilmu Sosial Universitas Negeri Padang -Journal of Civic Education 3 (3), 331-338.	2020	X	X	Y	Diterima
79	Diah Ayu Candraningrum, Widayatmoko & Budi Utami	Etika dan Budaya Berinteraksi di Media Sosial di SMA Warga Surakarta -Jurnal Bakti Masyarakat Indonesia 1(1), 1-9.	2018	Y	X	Y	Diterima
80	Yuhdi Fahrin	Netiquette: Etika Jejaring Sosial Generasi Milenial Dalam Media Sosial -Jurnal Penelitian Pers dan Komunikasi Pembangunan 22 (1), 69-78.	2018	Y	Y	Y	Diterima

Bilangan Keseluruhan Mengikut Pecahan Tahun Kekinian

Melalui beberapa kata kunci di carian platform GoogleScholar.com terdapat 80 penerbitan kajian yang telah dikenal pasti penting untuk disenarai pendekkan. Daripada keseluruhan jumlah tersebut pula, hanya 64 yang diterima mencapai kualiti penilaian setelah proses inklusi dan deklusi yang akan digunakan untuk menjawab persoalan lain kajian ini. Kesemua 80 penerbitan kajian tersebut adalah dalam tempoh masa dari 2016 sehingga 2021. Didapati tahun 2019 adalah yang tertinggi kerana adanya prosiding yang bertemakan media sosial iaitu Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19) yang dijalankan pada 15 Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM. **Jadual 3** menunjukkan jumlah penerbitan kajian mengikut tahun.

Jadual 3: Pecahan Kajian Mengikut Tahun

Tahun	Bilangan
2021	4
2020	19
2019	27
2018	10
2017	12
2016	8
Jumlah keseluruhan	80

Isu Berkaitan Penyalahgunaan Media Sosial Serta Isu Interaksi dan Komunikasi di Media Sosial dalam Artikel Jurnal atau Kertas Kerja Penyelidikan Yang Ditemui

Daripada keseluruhan dapatan yang diperoleh, beberapa isu dapat dikenal pasti berkait dengan salah laku interaksi sosial di media sosial. Isu-isu tersebut pula dapat dikelompokkan berdasarkan beberapa kategori yang melibatkan interaksi sosial. Isu penyebaran berita atau maklumat palsu didapati isu yang sering disentuh oleh para pengkaji. Jenayah siber seperti penipuan pelaburan, pengantunan seksual dan love scammer serta kebebasan bersuara secara keterlaluan yang melibatkan penghinaan dan penyebaran ideologi turut dikenal pasti antara isu interaksi sosial di media sosial selain isu buli siber dan perkongsian secara berlebihan (*over-sharing*). Turut dimuatkan juga isu permasalahan di media sosial yang bukan melibatkan interaksi sosial seperti masalah ketagihan dan pengawalan. Perincian bilangan salah laku yang dibincangkan dalam kajian-kajian lepas berdasarkan kelompok isu dapat dilihat dalam **Jadual 4**:

Jadual 4: Bilangan Salah Laku Media Sosial Berdasarkan Kelompok Isu

Isu salah laku sosial media sosial	Bilangan
Buli siber	6
Penyebaran berita atau maklumat palsu	16
Kebebasan bersuara secara keterlaluan (penghinaan, penyebaran ideologi)	9
Jenayah siber (penipuan pelaburan, pengantunan seksual, <i>love scammer</i>)	10
Perkongsian secara berlebihan (<i>over-sharing</i>)	1

Lain-lain (ketagihan, pornografi,
penggunaan tanpa kawalan)

7

Faktor Berlakunya Isu Berkaitan Penyalahgunaan Media Sosial Serta Isu Interaksi Dan Komunikasi Di Media Sosial Dalam Artikel Jurnal Atau Kertas Kerja Penyelidikan Yang Ditemui

Daripada pelbagai isu yang disentuh, terdapat banyak faktor yang membentuk dan mendorong perlakuan isu salah laku di media sosial. Rumusan faktor-faktor yang mempengaruhi penyalahgunaan kemudahan media sosial ini dapat dilihat dalam kajian Fatin dan Mohd Zainudin (2016) iaitu faktor kecanggihan teknologi itu sendiri yang membuka lembaran untuk individu tidak bertanggungjawab memanipulasi teknologi tersebut, faktor persekitaran iaitu kurangnya pengawasan daripada ibu bapa atau penjaga, faktor individu seperti mahu mencuba, inginkan kebebasan dan tidak suka dikongkong, faktor pengetahuan yang dominan berbanding pengguna lain serta faktor keselamatan seperti penggodaman kata laluan.

Masalah kebebasan bersuara secara keterlaluan adalah berpunca dari pelbagai faktor terutamanya salah faham terhadap konsep kebebasan bersuara yang sebenar. Berdasarkan kajian Fabli dan Mohd Sufiean (2020) terhadap 7 kes penghinaan institusi raja mendapati bahawa masyarakat Malaysia masih ramai yang belum memahami makna sebenar kebebasan bersuara yang dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Manakala menurut Wan Amizah dan Muhammad Adnan (2017), perlakuan penghinaan di media sosial adalah berpunca dari salah guna kebebasan yang dibenarkan oleh pihak kerajaan. Untuk masalah buli siber sahaja, Che Hasniza, Mohd Yusri dan Fatimah (2018) mendapati terdapat tiga faktor utama yang menyumbang kepada perlakuan buli siber iaitu personaliti, ketagihan internet dan komunikasi keluarga. Melayari internet dalam tempoh yang lama turut diakui sebagai keterdedahan untuk menjadi mangsa buli atau pembuli itu sendiri. Faktor ini turut diakui oleh Asmi Asmidar et. al., (2018) dalam isu pengantunan seksual di atas talian. Bagi masalah jenayah penipuan siber komersial pula, faktor-faktor psikologikal terutamanya faktor personaliti dan kawalan diri mempengaruhi potensi untuk menjadi mangsa jenayah penipuan komersil (Fatin Adha et. al., 2019).

Solusi Dan Cadangan Pencegahan Penyalahgunaan Media Sosial Serta Isu Interaksi Dan Komunikasi Di Media Sosial

Dalam masalah berkait buli siber, pengguna media sosial harus mempunyai pengetahuan mengenai keselamatan siber dan buli siber. Antaranya adalah tidak mendedahkan apa sahaja maklumat peribadi bagi mengelakkan pembuli siber boleh mengetahui identiti diri serta tidak membalas mesej daripada pembuli siber kerana apabila mesej mereka dibalas, mereka akan merasa diri mereka diberi perhatian oleh mangsa. Pengguna juga perlu mengetahui hak-hak dan medium bersesuaian bagi mendapatkan bantuan jikalau menjadi mangsa buli siber (Suriana & Khadijah, 2020). Pengguna media sosial terutamanya pelajar sekolah disarankan untuk melibatkan diri dengan aktiviti kokurikulum di sekolah bagi tujuan mengurangkan masa bersama gajet dan sekali gus mengurangkan risiko menjadi mangsa buli (Che Hasniza, Mohd Yusri & Fatimah, 2018).

Selain faktor diri peribadi yang mudah terdedah menjadi mangsa buli siber, pihak-pihak lain juga perlu turut menyumbang usaha bagi mengekang masalah buli siber ini. Ibu bapa diharap dapat mengenal pasti personaliti anak dan cuba memahami tingkah laku mereka serta berusaha membimbing anak-anak berakhlak baik. Pihak sekolah pula perlu membuat peraturan dan

kawalan penggunaan gajet di sekolah selain mewujudkan kerjasama antara pihak sekolah dengan ibu bapa untuk membina kefahaman anak-anak mengenai keselamatan siber. Pada pihak kerajaan pula, polisi-polisi yang efektif perlu dilaksanakan dalam menentukan prasarana ICT yang selamat. Undang-undang perlu dikaji mengikut keperluan semasa agar dapat mengawal ancaman global yang sentiasa berubah-ubah (Che Hasniza, Mohd Yusri & Fatimah, 2018).

Kemudahan internet memberikan kebebasan dan keluasan untuk sesuatu maklumat bergerak tanpa batasan. ketika menerima dan berkongsi sesuatu maklumat mendedahkan kepada penyebaran berita palsu. Berbeza dengan berita dari media massa yang berbentuk vertikal, media sosial yang berbentuk komunikasi horizontal membuka pelbagai tafsiran sesuatu maklumat berdasarkan perspektif penggunaanya (Ahmad Budiman, 2017). Ia secara tidak langsung membuka lembaran untuk tersebar maklumat atau berita palsu. Oleh kerana itu, pengguna seharusnya tidak menerima sesuatu maklumat dengan bersahaja, melainkan perlu memahami konsep perubahan media itu sendiri. Pengguna seharusnya boleh menjadi pengguna media yang aktif tetapi tetap rasa skeptik yang tinggi terhadap motif di sebalik pemberitaan dari pembawa informasi (Diah, Widayatmoko & Budi, 2018). Menurut Fahmi Anwar (2017) setiap berita atau informasi perlu disemak semula kebenarannya. Lebih jelas Mohd Anuar Ramli, et. al., (2018) menekankan supaya pengguna dapat mengaplikasikan konsep Tabayyun iaitu meneliti terlebih dahulu sebelum mengesahkan sesuatu. Ajaran Islam sendiri menggesa umat Islam agar mengverifikasi setiap maklumat yang didapati terutamanya jika ia datang dari orang yang meragukan dan tidak boleh dipercayai.

Perlembagaan Persekutuan yang merupakan perundangan tertinggi di negara telah memperuntukkan jaminan kebebasan asasi manusia untuk bebas bercakap atau mengeluarkan pandangan secara gus melambangkan kewujudan demokrasi dan penghormatan maruah manusia. Kewujudan media sosial yang memberi kemudahan berkongsi apa sahaja dari pengguna telah menrancakkan lagi tema demokrasi dan kebebasan bersuara. Namun sayangnya, kebebasan yang diberi tersebut disalah erti dan disalahgunakan oleh sebahagian rakyat dengan menjadikan media sosial untuk melanggar batasan dengan melakukan penghinaan, kejian, hasutan, fitnah dan sebagainya sehingga terkadang melanggar dan mengancam prinsip-prinsip agama dan negara.

Pengguna media sosial disaran untuk berfikir terlebih dahulu sebelum menyuarakan sesuatu pendapat di media sosial. Mereka harus menggunakan akal bukannya emosi semata-mata semasa memberi komentar (Poovaneaswary & Muhammad Adnan, 2020). Pokoknya, pengguna media sosial perlu bijak apabila mengeluarkan sesuatu pandangan, terutamanya apabila melibatkan pihak lain. Kesilapan ketika memberikan pandangan serta penggunaan bahasa yang tidak elok kepada pihak lain boleh menyebabkan tindakan undang-undang dikenakan (Syahira Omar & Wan Amizah, 2017). Pada pihak kerajaan pula, kempen mengenai kefahaman kebebasan bersuara harus dijalankan secara berterusan agar masyarakat terutamanya pengguna media sosial dapat memahami dengan lebih jelas mengenai konsep kebebasan bersuara terutamanya ketika menyuarakan pendapat di media sosial (Poovaneaswary & Muhammad Adnan, 2020).

Isu kebebasan bersuara secara keterlaluan sehingga wujud isu penghinaan institusi Raja, Wan Amizah dan Muhammad Adnan (2017) menyatakan bahawa peraturan dan perundangan sedia ada di Malaysia masih belum mencukupi lagi dan memerlukan kepada proses pemantapan. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 perlu disemak semula bagi menambah peruntukan

yang boleh menangani masalah tersebut. Perkara ini turut ditegaskan oleh Fabli dan Mohd Sufiean (2020) yang menyatakan bahawa Akta Hasutan 1948, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta undang-undang sedia ada dilihat tidak memadai untuk menangani isu penghinaan institusi raja untuk jangka panjang. Tambahan lagi undang-undang seperti Akta Hasutan 1948 dan Akta fitnah 1957 merupakan undang-undang yang telah digubal sebelum merdeka lagi dan agak ketinggalan dalam arus perdana serta memerlukan kepada pindaan bagi melindungi kedudukan Raja. Bahkan bagi menambah kepentingan-kepentingan lain yang mengekalkan keharmonian negara.

Media sosial turut terdedah untuk menjadi medan perlakuan jenayah siber seperti penipuan pelaburan, pengantunan seksual, love scammer dan lain-lain. Oleh itu, Fatin Adha et. al. (2019) mencadangkan supaya dapat dibina modul yang dapat mencegah perlakuan jenayah siber serta pelaksanaan program dan kempen kesedaran yang mengambil kira pelbagai elemen termasuklah elemen psikologi. Zakiah dan Dalbir (2018) pula mencadangkan supaya mempertingkatkan latihan kesedaran keselamatan oleh setiap organisasi agar pengguna media sosial lebih ramai memahami tanggungjawab melahirkan generasi yang bebas dari ancaman siber. Tidak lupa juga, kajian-kajian perlu diperluaskan bagi melihat kepelbagai faktor psikologi penyebab terjerumusny mangsa pada jenayah penipuan komersil (Fatin Adha et. al, 2019).

Apa yang penting, dalam apa sahaja isu melibatkan salah laku penggunaan internet, semua pihak perlu berganding bahu mengawal penggunaan internet agar tidak memberi implikasi negatif kepada semua pengguna (Fatin & Mohd Zainudin, 2017). Pihak individu pengguna media sosial itu sendiri perlu bijak ketika menggunakan media sosial. Fahmi Anwar (2017) memperincikan acuan penggunaan media sosial secara bijak iaitu dengan melindungi maklumat peribadi, beretika ketika berkomunikasi seperti menggunakan kata-kata sopan dan mengelak penggunaan kata-kata kasar, menghindari penyebaran pornografi, memandag penting hasil karya orang lain dengan menyatakan sumber informasi serta membaca berita atau maklumat secara keseluruhan.

Kesimpulan

Dapat dirumuskan terdapat pelbagai isu yang melatari penggunaan media sosial sama ada jelas salah laku penggunaannya mahupun yang melibatkan interaksi dan komunikasi sosial di media sosial. Masalah seperti buli siber, penyebaran berita atau maklumat palsu, kebebasan bersuara secara keterlaluan, jenayah siber, ketagihan, pornografi dan penggunaan tanpa kawalan antara isu yang sering didengari. Mengambil cakna masalah ini, banyak kajian yang menyentuh dan mengupas masalah salah laku di media sosial ini. Kajian-kajian tersebut telah mengenal pasti faktor-faktor yang menjadi penyumbang kepada masalah salah laku di media sosial seperti faktor peribadi yang mahu mencuba, inginkan kebebasan, faktor pengetahuan yang tidak tahu, tidak sedar atau dengan sengaja melakukan salah laku tersebut selain faktor personaliti dan kawalan diri individu. Faktor persekitaran juga perlu diambil berat seperti kurangnya pengawasan dari penjaga ataupun komunikasi keluarga yang lemah. Faktor kecanggihan teknologi, ketagihan serta faktor penguatkuasaan dan perundangan juga harus dinilai. Kajian-kajian tersebut juga turut mengemukakan solusi atau cadangan pencegahan masalah tersebut yang dapat dirumuskan kepada saranan kepada individu seperti bersikap bijak dan mengurangkan masa penggunaan media sosial, kepada masyarakat seperti mengawasi penggunaan media sosial anak-anak serta kepada pihak kerajaan seperti melaksanakan kempen. Tuntasnya, keperluan untuk membentuk satu model atau garis panduan yang holistik dalam usaha membentuk suasana harmoni di ruangan media sosial secara tidak langsung

membendung masalah salah laku interaksi sosial media sosial perlu dilakukan agar dapat mewujudkan persekitaran siber atau alam media sosial yang selamat dan sihat.

Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan geran yang ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi di bawah geran projek Model Kesolehan Digital Dalam Interaksi Sosial Kalangan Pengguna di Era IR 4.0 dengan kod projek FRGS/1/2020/SSIO/UM/02/15.

Rujukan

- A. Fikri Amiruddin Ihsani & Novi Febriyanti (2020). Etika Komunikasi Sebagai Kontrol Kesalehan Virtual dalam Perilaku Bermedia Masyarakat di Era Digital. *Jurnal Al Azhar Indonesia Seri Ilmu Sosial* 2 (1), 24-35.
- Adi Wibowo (2019). Penggunaan Media Sosial Sebagai Trend Media Dakwah Pendidikan Islam di Era Digital. *Jurnal Nusantara* 3 (2), 339-356.
- Agus Rusmana (2015). Penipuan Dalam Interaksi Melalui Media Sosial. *Jurnal Kajian Informasi & Perpustakaan* 3 (2), 187-194
- Ahmad Sauffiyan Abu Hassan (2016). Daesh: Kebangkitan dan Pengaruh Media Sosial. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32 (2), 381-404.
- Ahmad Setiadi (2016). Pemanfaatan Media Sosial untuk Efektifitas Komunikasi. *Cakrawala: Jurnal Humaniora*, 16 (2).
- Ali Salman, Mohammad Agus Yusoff, Mohd Azul Mohamad Salleh & Mohd Yusof Hj Abdullah (2018). Penggunaan Media Sosial Untuk Sokongan Politik di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)* 3 (1), 51-63.
- Althaf Husein Muzakky & Fahrudin (2020). Kontekstualisasi Hadis dalam Interaksi Media Sosial di Era Millenial dalam Kitab Fath al-Bārī Syarah Ḥadīs al-Bukhārī. *Jurnal Diroyah: Jurnal Studi Ilmu Hadis*, 5(1), 12-20.
- Amin Haris (2021). Prinsip Pentingnya Mendidik Akhlak Anak dari Pengaruh Media Sosial. *Al-Fathanah: Jurnal Studi Islam dan Pendidikan Agama Islam* 1(1), 35-45.
- Amran Abdul Halim, Abdulloh Salaeh, Walid Mohd Said, Syed Najihuddin Syed Hassan, Nidzamuddin Zakaria, Mohd Fauzi Mohd Amin & Amiruddin Mohd Sobali (2020). Pemahaman Hadith Dalam Kalangan Masyarakat di Malaysia: Kajian Dalam Media Sosial di Malaysia. *Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN) 2020*, 358-368.
- Asmi Asmidar Zainal Rashid, Mohammad Rahim Kamaluddin, Suzaily Wahab, Dayang Anita Abdul Aziz, Zarina Abdul Latiff & Balan Rathakrishnan (2018). Kerentanan Kanak-kanak Malaysia terhadap Pengantunan Seksual Dalam Talian. *Jurnal Psikologi Malaysia* 32(3), 91-108.
- Azianura Hani Shaari & Mohammad Rahim Kamaluddin (2019). Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa dan Etika Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities* 16(6), 1-16.
- Bulan Cahya Sakti & Much Yulianto (2018). Penggunaan Media Sosial Instagram Dalam Pembentukan Identitas Diri Remaja. *Jurnal Interaksi Online* 6(4), 1-12.
- Chairuni Nasution (2020). Kajian Hukum Model Literasi Media Dalam Menganalisa Informasi Berita Palsu (Hoax) Pada Media Sosial. *Jurnal Hukum Responsif*, 7(2), 157-170.
- Diah Ayu Candraningrum, Widayatmoko & Budi Utami (2018). Etika dan Budaya Berinteraksi di Media Sosial di SMA Warga Surakarta. *Jurnal Bakti Masyarakat Indonesia* 1(1), 1-9.
- Eko Sumadi (2016). Dakwah dan Media Sosial: Menebar Kebajikan Tanpa Diskrimasi. *AT-TABSYIR: Jurnal Komunikasi Penyiaran Islam*, 4(1), 173-190.

- Endah Triastuti, Dimas Adrianto & Akmal Nurul (2017). Kajian Dampak Penggunaan Media Sosial Bagi Anak dan Remaja. Jakarta: Pusat Kajian Komunikasi, FISIP Universitas Indonesia.
- Elly M Setiadi & Usman Kolip (2011). *Pengantar Sosiologi. Pemahaman Fakta dan Gejala Permasalahan Sosial: Teori, Aplikasi, dan Pemecahannya*. Jakarta: Kencana.
- Fabli Yusof & Mohd Sufiean Hassan (2020). Kes Penghinaan Raja-Raja/Yang Di-Pertuan Agong di Media Sosial: Tindakan dan Penguatkuasaan Undang-Undang Dalam Kebebasan Bersuara. *Journal of Law & Governance*, 3(1), 127-142.
- Fahmi Anwar (2017). Perubahan dan Permasalahan Media Sosial. *Jurnal Muara Ilmu Sosial, Humaniora dan Seni*, 1(1), 137-144.
- Fatin Adha Murad, Mohammad Rahim Kamaluddin, Wan Shahrazad Wan Sulaiman & Rozainee Khairudin Psikologi Kemangsaan Jenayah Penipuan Komersil: Tinjauan Literatur. *Jurnal Psikologi Keselamatan* 1, 60-86.
- Fatin Liayana Nordin & Mohd Zainudin Othman (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi penyalahgunaan ICT di kalangan pelajar di UUM Sintok Kedah Darul Aman. Dalam *Symposium on Technology Management & Logistics (STML-Go Green) 2016, 6th - 7th December 2016*, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Malaysia.
- Fauziah Ahmad & Dafrizal Samsudin (2017). Kebergantungan Media Sosial Terhadap Isu Arab Spring Dalam Kalangan Khalayak di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(1), 423-437.
- Fazlinda Ab Halim & Mohammad Siraj Munir Muslaini (2018). Impak Media Sosial Terhadap Tingkah Laku Sosial Pelajar Di Kolej Vokasional. *Online Journal for TVET Practitioners*, 3(1).
- Febi Afriani & Alia Azm (2020). Penerapan Etika Komunikasi di Media Sosial: Analisis Pada Grup WhatsApps Mahasiswa PPKn Tahun Masuk 2016 Fakultas Ilmu Sosial Universitas Negeri Padang. *Journal of Civic Education* 3(3), 331-338.
- Georgetown University (2010). Bridging Babel: New Social Media and Interreligious and Intercultural Understanding. Diakses pada 6 Januari 2022. Pautan; <https://berkleycenter.georgetown.edu/publications/bridging-babel-new-social-media-and-interreligious-and-intercultural-understanding> .
- Hanif Akhtar (2020). Perilaku Oversharing di Media Sosial: Ancaman atau Peluang? *PSIKOLOGIKA: Jurnal Pemikiran dan Penelitian Psikologi* 25(2), 257-270.
- Hazlin Falina Rosli, Wan Amizah Wan Mahmud & Maizatul Haizan Mahbob (2016). Peranan Media Sebagai Alat Kesedaran Sosial Dalam Kalangan Orang Kurang Upaya di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(2), 471-488.
- Hidayah Shafiee, Ahmad Fahmi Mahamood, Abdul Rahman Abdul Manaf, Tengku Kastriafuddin Shah Tengku Yaakob, Abdul Jalil Ramli, Zuraidi Ahmad Mokhdzar, Jamsari Jamaluddin, Maskor Bajuri & Mohd Erpi Mohd Ali (2019). *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(15), 141-153.
- Jaenal Abidin & Ilham Fahmi (2019). Media Sosial Dalam Mempengaruhi Perilaku Keberagamaan Siswa Dan Solusinya Melalui Pendidikan Agama Islam. *Jurnal Wahana Karya Ilmiah* 3(1), 305-312.
- Jamiah Manap, Mohd Rezal Hamzah, Aizan Sofia Amin, Nurul Nabila Mohd Izani, Fazilah Idris, Salasiah Hanin Hamjah, Noordeyana Tambi, Arena Che Kasim, Norul Huda Sarnon, Salina Nen & Nor Jana Saim (2016). Penggunaan dan Implikasi Media Sosial Terhadap Remaja Generasi Z. *International Conference On Social and Economic Development (ICSED)* di Universiti Malaysia Terengganu pada 1-3 November 2016.
- Juminem (2019). Adab Bermedia Sosial dalam Pandangan Islam. *GeneologiPAI: Jurnal Pendidikan Agama Islam* 6(1), 23-34.

- Kaplan AM, Haenlein M. (2010). Users of the world, unite! The challenges and opportunities of Social Media. *Business Horizons* 53, 59-68.
- Kaur, N. & Sahdef, S. L. (2020). Fighting Covid-19 With Technology and Innovation, Evolving and Advancing With Technological Possibilities. *International Journal of Advanced Research and Engineering and Technology* 11(7), 395-405.
- Ketut Manik Astajaya (2020). Etika Komunikasi Di Media Sosial. *Widya Duta: Jurnal Ilmiah Ilmu Agama dan Ilmu Sosial Budaya* 15(1), 81-95.
- Khadijah Alavi, Maizatul Haizan Mahbob & Mohammad Syahrul Azha Soood (2020). Strategi Komunikasi Penjenayah Cinta Siber Terhadap Wanita Profesional. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 36(3), 296-311.
- Khadijah Muda, Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Latifah Ab. Latiff (2020). Pengetahuan Berkenaan Kontrak Sosial di Malaysia: Satu Kajian Kes Terhadap Masyarakat di Media Sosial. *Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN 2020)*, 621-628.
- Khan GF, Swar B, Lee KS. (2013). Social Media Risks and Benefits: A Public Sector Perspective. KoreaTECH, Korea.
- Luqman Hakeem Frank Wilkins, Pragathesh Batumalai & Kamarul Azmi Jasmi (2019). Media Sosial dan Dampak Positif Menurut Islam. Dalam Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.), *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)* pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, 17-32.
- Matt Ahlgren (2022), "35 + Statistik Facebook & Fakta Untuk 2022," laman *websiterating* bertarikh 1 Januari 2021. Pautan: <https://www.websiterating.com/ms/research/facebook-statistics/#chapter-1>. Diakses pada 7 Januari 2021.
- Maya Sandra Rosita Dewi (2019). Islam Dan Etika Bermedia (Kajian Etika Komunikasi Netizen Di Media Sosial Instagram Dalam Perspektif Islam). *Research Fair Unisri* 3(1), 139-149.
- Mohamad Faisal Ahmad, Hashim Mat Zin & Hajaratul Adhwa' Ahmad Kuthi (2020). Model Pembangunan Insan Soleh Kamil AD-DIN (PISKA) Berdasarkan Teori Perubahan Akhlak al-Ghazali dalam Pengajian Tamadun Islam Tamadun Asia (TITAS) di Politeknik. *Bitara: International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(4), 163-176.
- Mohamad Rafiuddin Mohd Azmi, Sasikumar Kamalanathan & Ajmain @ Jimaain Safar (2019). Media Sosial dan Generasi Muda Menurut Islam. Dalam Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.), *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)* pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, 87-100.
- Mohd Anuar Ramli, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Mohammad Naqib Hamdan & Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar (2018). Aplikasi al-Tabayyun dalam Menangani Penularan Maklumat Palsu Berkaitan Produk Halal. *Jurnal al-Basirah*, 8(1), 23-36.
- Mohd Azul Mohamad Salleh & Nurul Madiha Mohd Ilham (2017). Pengalaman dan Kesedaran Pengguna Dewasa Terhadap Isu Pengawasan di Media Sosial. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(1), 502-514.
- Mohd Shahremy Ikmal Shahbudin (2020). Kepanikan Pengguna Media Sosial Terhadap Virus COVID-19. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature* 11(Edisi Khas), 1-10.
- Muhamad Ariffudin Azizan, Muhammad Azizi Kariya & Kamarul Azmi Jasmi (2019). Media Sosial dan Penyebaran Budaya Transeksual Menurut Islam. Dalam Jasmi, Kamarul

- Azmi (Ed.), Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19) pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, 297-312.
- Muhamad Faisal Ashaari, Nurul Aini Syazwani Norhisham & Rosmawati Mohamad Rasit (2021). Sorotan Kajian Penggunaan Media Sosial dalam Kalangan Warga Emas di Malaysia. *Bitara: International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(2), 1-12.
- Muhamad Zaki Mustafa, Mohd Faizal Kasmani, Mohd Yahya Mohamed Ariffin & Khairunneezam Mohd Noor (2020). Perhubungan Awam, Media Sosial, Etika Kerja Islam Serta Trend Penggunaan Media Sosial di Sektor Awam Kementerian di Malaysia. *Al-Abqari: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* 22(2), 47-66.
- Muhammad Hazwan Johari, Amirul Syafiq Baharuddin & Siti Suhaila Ihwani Media Sosial dan Kelestarian Penggunaan Menurut Islam. Dalam Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.), Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19) pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, 61-86.
- Muhammad Izzuddin Nazir, Muhammad Irfan Zikri Che Noh & Bushrah Basiron (2019). Media Sosial dan Wanita Menurut Islam. Dalam Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.), Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19) pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, 143-156.
- Muhammad Sulthan & S. Bektu Istiyanto (2019). Model Literasi Media Sosial Bagi Mahasiswa. *Jurnal ASPIKOM* 3(6), 1076-1092.
- Muhammad Syazwan Ayub, Amirul Azha Rozali & Nurazmallail Marni (2019). Media Sosial dan Kecanduan Penggunaan Menurut Islam. Dalam Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.), Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19) pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, 313-330.
- Muhammad Yusi Kamhar & Erma Lestari (2019). Pemanfaat Sosial Media Youtube Sebagai Media Pembelajaran Bahasa Indonesia di Perguruan Tinggi. *Inteligensi: Jurnal Ilmu Pendidikan*, 1(2), 1-7.
- Muhd Imran Abd Razak, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli, Siti Maimunah Hj. Kahal & Rabiatal Adawiyah Mohamed Ratha (2018). Analisis Fahaman Ekstremis Agama dan Media Sosial di Malaysia. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 2(1), 91-103.
- Mujahiddin & M. Said Harahap (2017). Model Penggunaan Media Sosial di Kalangan Pemuda. *Jurnal Interaksi* 1(2), 142-155.
- Mulawarman & Aldila Dyas Nurfitri (2017). Perilaku Pengguna Media Sosial beserta Implikasinya Ditinjau dari Perspektif Psikologi Sosial Terapan. *Buletin Psikologi*, 25(1), 36-44.
- Nadia Fauzi (2017). Penggunaan Media Sosial Dalam Dunia Tanpa Sempadan: Suatu Kebaikan Atau Keburukan?. *Ketua Penolong Pengarah, Program Litigasi, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)*.
- NapoeonCat (2021), "Facebook Users in Malaysia," laman *NapoeonCat.com* pada Mac 2021. Pautan: <https://napoleoncat.com/stats/facebook-users-in-malaysia/2021/03/> . Diakses pada 7 Januari 2021.
- Nasrullah (2015). *Media Sosial*. Bandung: Simbiosis Rekatama Media.

- Nazaruddin & Muhammad Alfiansyah (2021). Etika Komunikasi Islami di Media Sosial dalam Perspektif Alquran dan Pengaruhnya Terhadap Keutuhan Negara. *Jurnal Peurawi: Media Kajian Komunikasi Islam* 4(1), 77-91.
- Noor Athirah Moktar, Areen Sherryana Abdul Halim & Kamarul Azmi Jasmi (2019). Media Sosial dan Kaedah Pengajaran Menurut Islam. *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019*, 211-226.
- Nor Aslamiah Ali (2017). Hubungan Penggunaan Media Sosial Dengan Tingkat Kepekaan Sosial di Usia Remaja. *Jurnal The Messenger* 9(1), 65-69.
- Nor Shela Saleha & Mohd Shafie Rosli (2020). Tinjauan Literatur Sistematis: Interaksi Media Sosial Atas Talian dalam Kluster Pendidikan dan Pekerjaan. *Sains Humanika* 12(3), 53-65.
- Nuning Kurniasih (2016). Optimalisasi Penggunaan Media Sosial untuk Perpustakaan. *Prosiding Makalah Seminar Nasional Komunikasi, Informasi dan Perpustakaan di Era Global*, 1-9 bertempat di Jatinangor pada 15 Jun 2016.
- Nur Hafeeza Ahmad Pazil (2020). Keakraban dalam Persahabatan dan Corak Interaksi di Media Sosial. *Jurnal Komunikasi* 36(4), 428-441.
- Nur Hidayu Nordin, Nur Syuhada Mohammad & Ahmad Marzuki Mohamad (2019). Media Sosial dan Instagram Menurut Islam. Dalam Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.), *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)* pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, 277-296.
- Nurul Afiza Razali, Noor Hera & Kamarul Azmi Jasmi (2019). Media Sosial dan Impak Negatif Menurut Islam. Dalam Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.), *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)* pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, 33-48.
- Nurul Atira Musa & Hendun Abd Rahman Shah (2020). Penyebaran Fahaman Bertentangan Akidah Islam di Media Sosial Dari Perspektif Undang-Undang dan Syariah di Malaysia. *Jurnal Perdana: International Journal of Academic Research* 9(1), 24-35.
- Poovaneaswary Manoharan & Muhammad Adnan Pitchan (2020). Kebebasan Bersuara dan Komentar Netizen terhadap isu Muhammad Adib di Berita Harian Online. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(3), 1-9.
- Puji Rianto (2019). Literasi Digital dan Etika Media Sosial di Era Post-Truth. *Interaksi: Jurnal Ilmu Komunikasi* 8(2), 24-35.
- Romlah Ramli (2016). Sejauhmana Kebebasan Dalam Media Sosial: Peradaban Sosial dan Privasi Dalam Sempadan Keagamaan. *Journal of Techno-Social* 8(1), 102-111.
- Roshayati Abdul Hamid, Zaleha Yazid, Noor Hasni Juhdi & Laila Adrena Mat Kana (2019). Penyalahgunaan Internet Sewaktu Kuliah: Kesan daripada Penyerapan Kognitif dan Tabiat Berinternet. *Jurnal Pengurusan* 56, 1-15.
- Rosni Wazir & Amani Zubir (2020). Dakwah Media Sosial Berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.
- Shaharudin Ismail, Halimatun Sa'adiah Ariffin & Zul Hilmi Abdullah (2020). Media Sosial Semasa Pandemik. *E-Proceeding: Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS 2020)*, 156-165.
- Shahid, Mior Kamarul (2016). Kebebasan Hak Asasi Manusia Perlu Ada Batasan: Elak Sebar Maklumat Palsu, Sentuh Sensitiviti Kaum, Agama. (24 March 2016). in *Berita Harian*, p. p. 33.
- Shahidah Hamzah, Fauziah Ani, Norizan Rameli, Noranifitri Md Nor, Harliana Halim, Riki Rahman, Adi Syahid Mohd Ali, Nizam Attan & Khairul Anuar Kamri. Impak

- Penyebaran Berita Palsu Melalui Media Sosial Terhadap Masyarakat: Kajian Kes Mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Advances in Humanities and Contemporary Studies* 1(1), 55-63.
- Shahrul Nazmi Sannusi, Fauziah Ibrahim, Azianura Hani Shaari & Nasrudin Subhi (2019). Penggunaan Media Sosial dalam Kalangan Remaja B40 di sekitar Lembah Klang. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 35(4):101-118.
- Shiefti Dyah Alyusi (2016). Media sosial : Interaksi, Identitas dan Modal Sosial. Jakarta: Kencana.
- Suhaniya Kalaisilven & Fauzi Sukimi (2019). Kawalan ibu bapa terhadap anak-anak dalam penggunaan media sosial. *AKADEMIKA*, 89(1), 111-124.
- Suriana Che Awang & Khadijah Alavi (2020). Buli Siber: Impak Emosi Dalam Kalangan Pelajar UKM. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(5), 1-9.
- Syahira Omar & Wan Amizah Wan Mahmud (2017). Isu Penghinaan Terhadap Institusi Diraja Malaysia: Analisis Kandungan Akhbar Dalam Talian. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1(1), 1-18.
- Tasnim Rosli, Yogenathan Muniandy & Kamarul Azmi Jasmi (2019). Media Sosial dan Impak Tingkah Laku Menurut Islam. Dalam Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.), *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)* pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, 115-130.
- Triandini, Jayanatha, Indrawan, Putra & Iswara (2019). Metode Systematic Literature Review untuk Identifikasi Platform dan Metode Pengembangan Sistem Informasi di Indonesia. *Indonesian Journal of Information Systems (IJIS)* 1(2), 63-77.
- Tuty Mutiah, Ilham Albar, Fitriyanto & A.Rafiq (2019). Etika Komunikasi Dalam Menggunakan Media Sosial. *Global Komunika* 9(1), 14-24.
- Wan Amizah Wan Mahmud & Muhammad Adnan Pitchan (2017). Media Baharu dan Institusi Raja di Malaysia: Kes Penghinaan Raja-raja di Media Sosial. *Jurnal Komunikasi*, 33(1), 406-422.
- We are Social & Hootsuite (2021) "Digital 2021: Malaysia," laman Dataportal.com bertarikh 11 Februari 2021. Pautan: <https://dataportal.com/reports/digital-2021-malaysia>.
- Yuhdi Fahrin (2018). Netiquette: Etika Jejaring Sosial Generasi Milenial Dalam Media Sosial. *Jurnal Penelitian Pers dan Komunikasi Pembangunan* 22(1), 69-78.
- Zakiah Saizan & Dalbir Singh Cyber Security Awareness Among Social Media Users: Case Study in German-Malaysian Institute (GMI). *Jurnal Teknologi Maklumat dan Multimedia Asia-Pasifik* 7(2), 111-127.
- Zawiyah M. Yusof, Siti Norul Huda, Umi A. Mokhtar & Nazura Abd Manap (2017). Adab Mengguna Media Sosial. Dalam Hasanah Abd. Khafidz, Zainab Ismail & Zulkefli Aini, *Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah Ke-3*, 68-78.
- Zikri Fachrul Nurhadi (2017). Model Komunikasi Sosial Remaja Melalui Media Twitter. *Jurnal ASPIKOM* 3(3), 539-549.
- Zulkufli Ismail & Azmi Aziz (2019). Jenayah Cinta Siber di Malaysia: Suatu Penelitian Terhadap Pengalaman Mangsa. *Journal of Social Sciences and Humanities* 16(4), 1-10.